

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**
[JELI]

TARIKH : **15 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 47

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan Pusat Internet Desa di Jeli dan seluruh Malaysia serta sama ada peranan pusat-pusat internet ini akan diperkasakan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 871 Pusat Internet telah siap dan beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 10 Pusat Internet terletak di Parlimen Jeli.
2. Bermula dari tahun 2013, sasaran Pusat Internet telah diperluas kepada kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat dalam mendapatkan perkhidmatan internet jalur lebar di kawasan bandar seperti di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).
3. Secara umumnya, Pusat Internet berfungsi sebagai pusat ilmu yang memberikan kemudahan internet secara kolektif kepada komuniti setempat dari semua peringkat umur termasuklah para pelajar dan belia tempatan kepada maklumat berkaitan pendidikan, pekerjaan, pertanian dan juga kesihatan.

4. Kelas latihan ICT dan bimbingan keusahawanan turut disediakan secara percuma yang secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Di samping itu, Pusat Internet juga menganjurkan beberapa program lain seperti kursus e-pembelajaran, pemasaran atas talian, kesedaran media sosial, bengkel robotik dan bengkel kreatif multimedia.

5. Inisiatif ini telah berjaya mendedahkan pengguna kepada laman rangkaian sosial, portal berita, e-perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan pengetahuan am mengenai dunia ICT. Terdapat banyak kisah kejayaan di kalangan usahawan yang telah menggunakan Pusat Internet dalam mengembangkan perniagaan mereka.